

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

8. Senaraikan bilangan penduduk Pulau Pinang yang mempunyai masalah kewarganegaraan (IC Merah) mengikut daerah, kaum, umur dan jantina.
- (a) Terangkan sebab-sebab masalah kewarganegaraan ini berlaku sehingga kini dan tidak dapat ditangani dengan baik?
- (b) Apakah peranan kerajaan negeri dalam usaha menangani masalah ini?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) atau dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada warga asing yang memegang Permit Masuk serta mempunyai pasport yang sah daripada negara asal. Individu warga asing yang bertaraf Pemastautin Tetap akan dibenarkan untuk menetap di Malaysia tanpa had masa. Selain itu, MyPR yang dikeluarkan kepada mereka juga memudahkan pelbagai urusan seperti perbankan dan lain-lain. Berdasarkan rekod JPN sehingga 31 Mei 2018, jumlah pemegang MyPR di Negeri Pulau Pinang adalah seramai 10,850 orang. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut bandar, negara asal, umur dan jantina adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Pecahan MyPR Mengikut Bandar

BIL	BANDAR ALAMAT	BILANGAN
1	GEORGETOWN	2,887
2	BUKIT MERTA JAM	1,402
3	BAYAN LEPAS	1,387
4	BUTTERWORTH	1,025
5	PERAI	888
6	AYER ITAM	833
7	GELUGOR	504
8	NIBONG TEBAL	380
9	SIMPANG AMPAT	262
10	TANJONG BUNGAH	254
11	BALIK PULAU	224
12	KEPALA BATAS	185
13	PERMATANG PAUH	123
14	SUNGAI BAKAP	116
15	TASEK GELUGOR	111
16	PULAU PINANG	83
17	BATU FERRINGHI	81
18	SUNGAI JAWI	48
19	PENAGA	45
20	BATU MAUNG	8
21	PENANG HILL	3

22	MAKLUMAT TIADA	1
	JUMLAH	10,850

Jadual 2 : Lima (5) Negara Asal Tertinggi

BIL	NEGARA ASAL	BILANGAN
1	INDONESIA	4,358
2	INDIA	1,497
3	THAILAND	417
4	SINGAPURA	297
5	CHINA	242
6	Lain-lain	4,039
	JUMLAH	10,850

Jadual 3 : Julat Umur

UMUR	21 THN KEBAWAH	21 - 59	60 TAHUN KEATAS	JUMLAH
BILANGAN	107	5,524	5,219	10,850

Jadual 4 : Jantina

UMUR	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
BILANGAN	6,972	3,878	10,850

- (a) Pihak Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab dalam menentukan taraf kewarganegaraan dianugerahkan kepada MyPR yang benar-benar layak. Dalam hal ini permohonan untuk mendapat warganegara Malaysia akan diteliti dengan terperinci secara *case - by - case* bagi memastikan kewarganegaraan hanya di anugerah kepada yang layak serta memberi sumbangan yang signifikan kepada negara serta menumpah taat setia kepada Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong.
- (b) Program Kewarganegaraan Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada 1 Februari 2013 bagi menangani isu rakyat tanpa kerakyatan turut membantu individu-individu dengan kad pengenalan merah untuk mengemukakan permohonan kewarganegaraan yang lengkap dengan Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara.

Sehingga 21 Mei 2018, seramai 381 individu dengan kad pengenalan merah telah dibantu melalui program ini. Dari jumlah tersebut, sebanyak 103 permohonan lengkap telah dikemukakan kepada Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara dan dari jumlah 103 permohonan lengkap ini, sebanyak 8 kes telah berjaya manakala 95 kes masih berada dalam tindakan jabatan-jabatan kerajaan tersebut.

Baki 278 kes pula masih berada dalam tindakan Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan bagi mengumpul semua dokumen yang diperlukan untuk mengemukakan permohonan yang lengkap.

Sejajar dengan Manifesto Pakatan Harapan untuk menyelesaikan masalah komuniti India yang tidak mempunyai kewarganegaraan, Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan sedang mengumpul semua kes-kes berkaitan individu-individu dari semua kaum yang memiliki kad pengenalan merah untuk dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang bagi proses permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan juga sering

berhubung dan bekerjasama dengan pihak Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara untuk menangani isu-isu penduduk Pulau Pinang yang mempunyai masalah kewarganegaraan (kad pengenalan merah).